

**SOALAN NO. 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN R. SIVARASA  
[ SUBANG ]**

**TARIKH : 21 MAC 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan R. Sivarasa [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran dan perkembangan terbaru biasiswa bursari yang ditawarkan dan ditarik balik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan nyatakan rasional pembangunan pendidikan dikorbankan dan bukannya jumlah generasi di bawah JPM disusun semula dan dikurangkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan bagi 744 pelajar lepasan Bursary tetap diteruskan pada tahun 2016 bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama di Institusi Pengajian Tinggi dalam negara. Mulai tahun 2016, penajaan JPA difokuskan bagi pengajian di IPT dalam negara bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kecemerlangan IPT tempatan dan memastikan objektif Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi tercapai.

Sekian, terima kasih.